



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA (MPFN) KE-47 (BIL.1/2025)

PUTRAJAYA, 24 APRIL 2025 – Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) mengadakan mesyuarat ke-47 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim di Dewan Persidangan, Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

MPFN Ke-47 telah mempertimbangkan sebanyak sembilan (9) kertas kerja melibatkan enam (6) kertas persetujuan dan tiga (3) kertas makluman. **Majlis telah bersetuju agar Kerajaan Negeri mewartakan segera Hutan Tanah Kerajaan (HTK) dalam kawasan Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK)** dalam usaha mempertahankan khazanah semulajadi.

Pengekalan HTK ini adalah penting untuk mengurangkan konflik antara manusia dengan hidupan liar dan membantu pergerakan hidupan liar terutamanya spesies *big five* iaitu Harimau Malaya, harimau kumbang, beruang matahari, gajah dan tapir. Bagi tujuan pembiayaan kewangan untuk proses pewartaan HTK kepada HSK, Kerajaan Negeri boleh membuat permohonan kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) untuk menggunakan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT). Tindakan pewartaan ini juga perlu diterjemahkan dalam rancangan fizikal negara, rancangan struktur negeri dan rancangan tempatan yang berkaitan.

MPFN Ke-47 turut menyentuh tentang pelaksanaan konsep sekolah menegak (*vertical school*) di kawasan-kawasan yang sesak dan padat dalam usaha untuk memastikan akses kepada pendidikan dan pembentukan modal insan yang berkualiti. Sekolah menegak ini boleh dibangunkan sama ada secara eksklusif

(kemudahan pendidikan sahaja di tapak dan dalam satu bangunan yang melebihi daripada 4 tingkat), atau disediakan secara bersepadu dengan kemudahan masyarakat lain, atau disediakan secara bercampur (*mixed development*) dengan aktiviti kediaman dan komersial. KPKT melalui PLANMalaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memperhalusi inisiatif dan transformasi ini supaya ia tidak menjasaskan permintaan dan kualiti pendidikan para pelajar khususnya di kawasan bandar yang sesak.

YAB Perdana Menteri selaku Pengerusi turut menyeru agar kerjasama dan perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dan juga antara negeri dipertingkatkan dalam usaha negara memperkuuh daya tahan domestik (*domestic resilience*) dalam ketidaktentuan ekonomi dunia melalui usaha-usaha mempercepatkan projek-projek pembangunan yang akan membuka pasaran baharu. Kerajaan Negeri dan Kementerian juga diminta untuk memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam proses kelulusan pembangunan sedia ada dan memantau secara berkala supaya negara sentiasa peka dan mudah mengadaptasi terhadap perkembangan atau ketidaktentuan ekonomi global.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

